

Usim laksana e-undi



UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (Usim) menggunakan kaedah pengundian secara e-undi dalam pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), hari ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajarnya, Datuk Mohamed Asin Dollah, berkata kaedah e-undi didapati mudah, telus dan selamat.

"Kami sudah mengujinya pada pe-

milihan MPP tahun lalu dan tiada sebarang bantahan diterima daripada pelajar," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*.

Pada pilihan raya hari ini, sejumlah 24 kerusi dipertandingkan memabitkan lapan kerusi umum dan 16 fakulti.

Katanya, seramai 10 calon merebut kerusi umum, manakala 26 lagi kerusi fakulti dengan 3,103 pelajar layak mengundi.

Tiga fakulti iaitu Fakulti Perubatan, Ekonomi dan Muamalat serta Pengajian Bahasa Utama disahkan menang tanpa bertanding.